



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

30 MAC 2021 (SELASA)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

30 MAC 2021 (SELASA)



Rosol (tengah) ketika merasmikan Program Malaysia Prihatin di Dewan Sivik Ajil, Kuala Berang, semalam.

Jualan dalam talian RM2.5b tahun lalu

Pandemik dorong penerimaan, penggunaan digitalisasi sektor peruncitan

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
+zatuliffah@hmetro.com.my

Kuala Berang: Pandemik COVID-19 menyebabkan urusan niaga dalam talian di negara ini mencatatkan lonjakan ketara sehingga RM2.5 bilion tahun lalu berbanding RM1.7 bilion pada 2019.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata ia selaras peningkatan jumlah perniagaan dalam talian yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia

(SSM) sehingga 2020 iaitu 489,958 berbanding 243,560 pada 2019.

Beliau berkata, peningkatan ketara pendaftaran perniagaan dalam talian sehingga lebih 240,000 tahun lalu adalah perkembangan sangat baik berbanding purata peningkatan jumlah pendaftaran perniagaan dalam talian sekitar 40,000 setahun sebelum ini.

"Penularan wabak COVID-19 memberi kesan besar kepada banyak sektor ekonomi terutama ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, namun transaksi dalam talian mencatatkan lonjakan ketara, malah pendaftaran perniagaan dalam talian juga meningkat sehingga lebih 100 peratus pada 2020.

"Mengikut rekod, aktiviti jual beli dalam talian meningkat sehingga 49 peratus tahun lalu, manakala transaksi e-wallet melonjak sehingga lebih 100 peratus iaitu daripada RM300 juta pada 2019 kepada RM600 juta tahun lalu.

"Ini menunjukkan transaksi jual beli dalam talian semakin menjadi trend dan alternatif baharu buat peniaga dan pembeli ketika negara berdepan cabaran COVID-19 ini.

"Ia juga antara kesan positif COVID-19 yang paling ketara kerana mempercepatkan penerimaan dan penggunaan digitalisasi dalam sektor peruncitan," katanya selepas Program Malaysia Prihatin di Dewan Sivik Ajil di sini, semalam.

Rosol berkata, jual beli dalam talian menawarkan harga lebih kompetitif berbanding jual beli secara fizikal juga menjadi antara faktor perniagaan dalam talian semakin menarik perhatian pengguna.

Katanya, ramai peniaga terutama daripada sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) beralih kepada platform e-dagang yang terbukti membantu melonjakkan pulangan perniagaan mereka.

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM5.99
• Daging Lembu Tempatan	RM32
• Daging Lembu Import	RM18.90
• Telur Gred A	RM8.60
• Ikan Kembung	RM10.90
• Minyak Masak	RM5.30
• Gula Pasir	RM2.20
• Bawang Besar Holland	RM2.89
• Bawang Putih	RM4.99
• Cili Merah	RM8.99
• Kubis Bulat Tempatan	RM2.50
• Tepung Gandum	RM2.19

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDN-HEP

'Tarik saja, jangan nak gertak'

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Pemimpin-pemimpin UMNO diberi amaran supaya tidak menggertak atau mengugut Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) berhubung hasrat menarik sokongan daripada Perikatan Nasional (PN).

Sebaliknya, UMNO dicabar berbuat demikian tanpa meletakkan apa apa syarat atau ugutan atau acah-acah.

Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Bersatu, **Datuk Rosol Wahid** berkata, pihaknya tidak mempunyai masa untuk memikirkan perkara tersebut, sebaliknya hanya bekerja demi rakyat.

"Sekarang bukan zaman ugut, seperti yang Tok Mat (Datuk Mohamad Hassan) kata, bukan main silat pulut, kita main boh terus, nak tumbuk, tumbuk jer la, tidak perlu main acah-acah sahaja.

"Ini tidak, ada syarat itu, syarat ini, hendak tarik (sokongan), tarik lah, bukan main gertak sahaja."

"Sekarang ini kalau nak buat-buatlah, bukan mesyuarat Mt (Majlis Tertinggi) lah apa lah, hendak buat (tarik sokongan), buat sahaja," katanya.

Perhimpunan Agung UMNO



Ini tidak, ada syarat itu, syarat ini, hendak tarik (sokongan), tarik lah, bukan main gertak sahaja."

ROSOL WAHID



2020 kelmarin sebulat suara memberikan mandat kepada Majlis Tertinggi (MT) untuk menentukan tempoh kepada UMNO menarik sokongan terhadap kerajaan PN.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, sekiranya PN tidak membubarkan Parlimen sebelum atau selepas tempoh darurat 1 Ogos ini, UMNO akan menarik diri daripada menyokong kerajaan sedia ada.

Rosol berkata, kebanyakan pembahas pada perhimpunan berkenaan hanya lantang semasa berucap sahaja.

"Mereka ini (jurucakap) cakap sahaja bergegar (lantang), (ada negeri) itu semua sudah 30 tahun, 15 tahun kalah.

"Negeri dia sudah kalah. Macam Kelantan, cakap bergegar (lantang) tetapi sudah 30 tahun kalah, macam Selangor, sudah 15 tahun kalah.

Sementara itu, Naib Presiden Bersatu, **Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen** berkata, keputusan tersebut adalah keputusan UMNO dan tidak boleh dipertikaikan.

Katanya, pihaknya atau PN tidak boleh memaksa Barisan Nasional atau UMNO bekerjasama dengan PN kerana itu adalah hak parti itu.

"Sekiranya BN-UMNO yakin untuk berhadapan pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) nanti, itu adalah keyakinan mereka dan tidak boleh dipertikai.

"Jika mereka yakin BN-UMNO

boleh menang tanpa kerjasama dengan mana-mana pihak, itu pilihan mereka," katanya.

Tambah Mohd. Rafiq, PN tidak boleh bergantung kepada sokongan BN-UMNO semata-mata, kita sedar dan akan perkuatkan jentera serta gerak kerja parti.

Katanya, hari ini, PN mempunyai jumlah parti komponen paling banyak iaitu lima parti komponen berbanding BN dan Pakatan Harapan (PH) dengan masing-masing mempunyai empat dan tiga parti komponen sahaja.

"PN semakin hari semakin kukuh dan parti komponen kita semakin bertambah serta masih ada lagi parti lain yang memohon untuk menyertai PN," katanya.

Menurut beliau, sekiranya kita sudah mempunyai dua parti komponen yang mewakili parti Melayu, kenapa lagi pihaknya perlu mencari pengganti UMNO.

"Saya fikir tidak ada pengganti UMNO, dalam PN, kita ada dua parti melayu yang berteraskan parti Melayu dan Islam, jadi saya tak fikir kita perlu cari pengganti UMNO.

"Kalau itu pilihan UMNO, kita akan teruskan dengan Bersatu dan Pas sebagai wakil Melayu, Islam dan bumiputera," katanya.